

MAHATHIR-DAYABUMI
(I)

1983

KUALA LUMPUR, 20 MEI (BERNAMA)--PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI PARA PENENDER BAGI SEMUA PROJEK SIAPGUNA PERBADANAN PEMBANGUNAN BANDAR (UDA) DI MAS AKAN DATANG HENDAKLAH MEMATUHI BEBERAPA SYARAT TERTENTU TERMASUK DI BAWH DASAR EKONOMI BARU (DEB).

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS UPACARA MEMASANG PASAK DAN TAKLIMAT DI TAPAK PROJEK DAYABUMI DI SINI, BELIAU BERKATA UDA TELAH PUN MENYEDIAKAN DOKUMEN-DOKUMEN TENDER YANG MENYELOURUH ITU.

IA AKAN DIGUNAKAN BAGI PROJEK PERINGKAT LIMA YANG MELIBATKAN PEMBAHARUAN KAWASAN PASAR BESAR

BELIAU BERKATA PROJEK DAYABUMI MERUPAKAN PROJEK SIAPGUNA YANG PERTAMA DAN OLEH DEMIKIAN TIDAK BEGITU BANYAK SYARAT DIMASUKAN PADA DOKUMEN-DOKUMEN TENDER.

TETAPI, DENGAN PENGALAMAN YANG DITIMBA, UDA TELAH MENGELUARKAN DOKUMEN-DOKUMEN YANG AKAN DIGUNAKAN BAGI SEMUA PROJEK SIAPGUNA MASA AKAN DATANG.

BAGAIMANAPUN, KERAJAAN JUGA AKAN MENIMBANG MENIRU DOKUMEN-DOKUMEN TENDER TERSEBUT BAGI PROJEK-PROJEKNYA, TAMBAHNYA.--S-LAGI 1300/NB

HARAP BACA.. PARA DUA..... MENYELURUH ITU.

BACA PARA TIGA..... PEMBAHARUAN KAWASAN.....

MAHATHIR-DAYABUMI 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SYARAT-SYARAT BARU ITU JUGA MENGHENDAKI PARA KONTRAKTOR MEMATUHI BEBERAPA PERKARA YANG LAIN SEPERTI REKABENTUK KEJURUTERAAN.

BELIAU BERKATA SYARAT-SYARAT TERSEBUT MERUPAKAN PERATURAN AM SAHAJA DAN PARA KONTRAKTOR BOLEH MEMILIH KEPERINCIAH YANG MEREKA MAHU.

BAGAIMANAPUN, WLUPUN DOKUMEN-DOKUMEN TENDER BAGI PERINGKAT-PERINGKAT AWAL PROJEK DAYABUMI TIDAK MENEKANKAN DEB, NAMUN PARA KONTRATOR YANG TERLIBAT TELAH MEMATUHINYA.

KATANYA 33 PERATUS DARIPADA TENAGA BURUH TERDIRI DARIPADA BUMIPUTERA DAN JUMLAHNYA TERMASUK DU ORANG JURUTERA DAN RAMI PEKERJA MAHIR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA BELIAU TELAH MENASIHATKAN UDA SUPAYA MEMAJAK KEPADA SEKTOR SWASTA PROJEK-PROJEK YANG TIDAK DAPAT DIKENDALINYA DISEBABKAN KEKURANGAN WANG.

TETAPI, PAJAKAN SEPEERTI ITU HENDAKLAH BERFAEDAH KEPADA U9DA DAN SEKTOR SWASTA, KATANYA DAN MENAMBAH BAHAWA UDA TELAH MENGENALPASTI DUA ATAU TIGA PROJEK UNTUK TUJUAN TERSEBUT.--LAGI 1315/NB
MAHATHIR-DAYABUMI 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERJA KE ATAS BLOK MENARA ADALAH 45 HARI LEBIH AWAL DARIPADA JADUAL.

BELIAU YANG MENINJAU TAPAK ITU BERKATA BELIAU GEMBIRA DENGAN LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN YANG DIAMBIL DI SITU DAN INI TELAH MENGURANGKAN KEJADIAN KEMALANGAN.

BELNIAU MENASIHATKAN PARA KONTRAKTOR TEMPATAN SUPAYA MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH SERUPA.

SEBELUM ITU, DATUK SERI DRM MAHATHIR, MENTERI PERUSAHAAN AWAM DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ DAN PARA KAKITANGAN KANAN KONTRAKTOR JEPUN, TAKENAKA KUMAGAI DAN RESILIENT MENYERTAI UPACARA MEMASANG PASAK.

KEMUDIAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYAKSIKAN PALANG BESI DI-ANGKUT NAIK DAN DIPASANG DI BUMBUNG MENARA, MENANDAKAN KERJA PEMBINAAN STRUKTUR TELAH SELESAI.--BERNAMA 10318/NB